

Pk. P.U. 15.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (MAJLIS DAERAH KERIAN) KERAJAAN TEMPATAN 1982

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kerian dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pe-
makatan dan
mula berkuat-
kuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Daerah Kerian) Kerajaan Tempatan 1981** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1982.

Kesalahan-
kesalahan
yang
boleh dikom-
paun dan
orang-orang
yang boleh
mengkompaun.

2. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82 (5), 107, 109, 140 (2) (a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau Setiausaha, Majlis Daerah Kerian.

(2) Kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang kecil boleh dikompaun oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1) atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Wang yang
dikehendaki
dipungut dan
cara pem-
bayaran.

3 (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan **tidak boleh lebih daripada lima ratus ringgit**, jika kesalahan itu adalah di **bawah Akta itu**, atau **tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit**, jika kesalahan itu adalah di **bawah suatu undang-undang kecil**.

(2) Pembayaran wang itu hendaklah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Daerah Kerian dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

Borang bagi
tawaran
mengkompaun.

4. Borang dalam Jadual ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

Dibuat pada 26hb Februari 1982.

MOHD. SHARIFF BIN NOORANI,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kerian

Disahkan pada 25hb Ogos 1982.
[PSUK. Pk. (KT) 21149.]

MOHD. IDRIS BIN BAHARI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 4)

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan

Tarikh Waktu

Tempat.....

Butir-butir kesalahan.....

2 Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kerian) Akta Kerajaan Tempatan 1981, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$.....(Ringgit
Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan hendaklah diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut:

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3 Tawaran ini akan habis tempoh pada.....
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....19.....

*Yang Dipertua/Setiausaha,
Majlis Daerah, Kerian

*Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun, dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan.

Yang Dipertua,

.....
.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan..... dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juru-wang/pesanan bank/draf bank No..... sebanyak \$....., (Ringgit.....) bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan.....

Nama (Huruf Besar).....

Alamat.....

Tarikh.....